

**Kawasan Larangan Merokok Mengikut
PERATURAN-PERATURAN
KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004
SUBPERATURAN 11(1) –
TEMPAT-TEMPAT DILARANG
MEROKOK**

- Pusat hiburan atau teater
- Hospital atau klinik
- Lif dan tandas awam
- Tempat makan atau kedai berhawa dingin
- Kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam
- Mana-mana bangunan yang diwartakan di bawah peraturan 22
- Lapangan terbang
- Premis kerajaan
- Kawasan perhimpunan
- Kawasan institusi pendidikan dan institusi pendidikan tinggi
- Kawasan taman asuhan kanak-kanak
- Bas sekolah
- Kaunter perkhidmatan di dalam bangunan
- Kompleks membeli-belah
- Stesen minyak
- Stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium
- Bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan
- Perpustakaan
- Kafe internet
- Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)



Sihat Sepanjang Hayat

Diterbitkan oleh:
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
dengan kerjasama
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
www.myhealth.gov.my • www.infosihat.gov.my
BUT.4, KKM (Cetak/PTB)238/2008, BM 100,000

SIRI TAK NAK MEROKOK

MEROKOK ADALAH HARAM

Islam menekankan kepada setiap umatnya supaya memelihara kesihatan jasmani dan rohani. Setiap benda yang apabila digunakan mendatangkan kemudharatan kepada manusia adalah diharamkan seperti firman Allah:

"...Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan.."

Al Baqarah: 195

Tak nak!
Merokok!

**Infoline Berhenti Merokok
03-8883 4400**


PANDANGAN ILMUAN ISLAM MENGENAI HUKUM MEROKOK

Dr. Yusuf al-Qardawi di dalam Fatawa Muasirah berkata, "Dari penjelasan yang diberikan, saya berpendapat, pandangan yang menghalalkan merokok tidak dapat diterima sama sekali. Malah, pendapat sebegitu boleh dianggap salah. Justeru, kita hanya mempunyai dua pilihan hukum: makruh ataupun haram. Berdasarkan kajian terkini, penetapan hukum haram adalah lebih tepat di sudut alasan dan hujahnya."

Sesungguhnya Islam telah menetapkan bahawa tidak boleh melakukan *dhorar* (memudharatkan orang lain) dan *dhiror* (membalas perbuatan orang lain dengan kemudharatan). Kajian sains dan perubatan semasa telah membuktikan merokok banyak membawa kesan negatif kepada perokok dan mereka yang berada di sekeliling perokok tersebut.


PERBEZAAN IMEJ SCAN OTAK PEROKOK DAN BUKAN PEROKOK

Dunia sains telah mengenalpasti sebab-sebab yang menyukarkan seseorang untuk berhenti merokok dan punca utamanya ialah ketagihan terhadap nikotin.



OTAK BUKAN
PEROKOK

Perbezaan
Neuroreceptor
di otak
(tompok merah)



OTAK
PEROKOK

Terdapat perbezaan yang jelas di antara otak perokok dan otak bukan perokok.

"...Memandangkan bahaya yang berpunca daripada tembakau, maka merokok diputuskan sebagai haram..."

Sheikh Abdul-Aziz Abdullah Bin Bazz,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Akademi
Penyelidikan dan Fatwa Arab Saudi.

"...Kami berpendapat haram merokok, mengimportnya, mengeluarkannya dan menjalankan perniagaan di dalamnya..."

Ulama Al-Azhar Lujnah fatwa di Al-Azhar
mengeluarkan fatwa mengenai menghisap
rokok (ad-dukhan).

"...menghisap rokok adalah haram dalam Islam..."

Fatwa oleh Bekas Mufti Mesir,
Dr. Nasr Farid Wasil

"..Adalah cukup jelas, lambat laun merokok dalam bentuk dan tujuan apapun akan merosakkan kesihatan dan merugikan wang perokok. Ia juga menjadi punca pelbagai penyakit. Justeru itu, berasaskan bukti berkenaan, merokok mestilah diharamkan..."

Sheikh Gadul Haq Ali Gadul Haq,
Imam Besar Masjid Al-Azhar